

Al-Quran Sebagai Panduan Hidup Sepanjang Zaman



Oleh: Farzana Ideris

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 8 Julai 2021

Kitab suci al-Quran merupakan mukjizat teragung Nabi Muhammad SAW yang menjadi panduan bagi seluruh umat Islam, selagi kita berpegang teguh dengannya.

Al-Quran bermakna bacaan atau himpunan dan dalam kitab suci itu terhimpun ayat-ayat yang menjelaskan pelbagai perkara yang meliputi persoalan tauhid, ibadat, jinayat, muamalat, munakahat dan sebagainya.



Gambar hiasan

Allah SWT mengurniakan nikmat dan rahmat dengan mengutuskan Rasul-Nya dan menurunkan kitab al-Quran yang tiada sebarang keraguan dalam kandungan dari dahulu sehingga kini.

Kitab wahyu yang diturunkan Allah SWT kepada Rasul-Nya ini dipenuhi mukjizat dan keagungan yang tiada tolok bandingnya dengan kitab lain.

Al-Quran terpelihara daripada sebarang penyelewengan dan niat jahat untuk merosakkan isi kandungannya, walaupun pelbagai percubaan telah dilakukan manusia untuk merosakkannya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-zikr (al-Quran), dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”

Imam al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya al-Jami’ il Ahkam al-Quran menyatakan bahawa kalimah *aqwam* bermaksud jalan yang paling benar, paling adil dan paling tepat.

Mereka yang menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan, sudah pasti akan membuahkan kesejahteraan dan kecemerlangan.

Kedatangan Islam yang bersumberkan al-Quran mengubah pola kehidupan masyarakat sehingga berjaya membina sebuah tamadun yang gilang gemilang. Perubahan dan kecemerlangan yang diraih ini tidak lain kerana disuluh al-Quran.

Atas sebab itu, sekiranya kita sebagai umat Islam ingin mencipta kejayaan sama ada dalam aspek kehidupan, kerjaya, keperibadian dan masa depan hendaklah menjadikan al-Quran sebagai kunci kejayaan.

Al-Quran mampu membentuk jati diri yang teguh, menjadikan manusia terdidik dengan akhlak dan budi pekerti tinggi, rajin berusaha dan berilmu tinggi. Matlamat itu dapat dicapai apabila mereka melakukan *tadabbur* iaitu memahami al-Quran dan beramal dengannya.

Kecemerlangan al-Quran bukan hanya terbukti dari sudut kerohanian semata-mata bahkan dari sudut saintifik. Al-Quran tidak hanya dikagumi orang Islam, bahkan ia juga dikagumi orang bukan Islam.

Sebahagian daripada mereka memeluk Islam selepas memahami dan meneliti maksud yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran.

Demikian juga dengan Dr Maurice Bucaille, seorang pakar bedah terkenal di Perancis. Semasa membicarakan berkenaan al-Quran dan Injil dalam konteks ilmu astrofizik, beliau berkata, “Tidak terdapat sebarang percanggahan antara al-Quran dan ilmu moden berhubung asal usul kejadian alam.”

Sebagai umat yang beriman, maka sewajarnya al-Quran dijadikan panduan dan sumber rujukan utama dalam apa juga kegiatan hidup sama ada dalam sudut akidah, syariat dan akhlak, khususnya bagi menangani pelbagai permasalahan, cabaran semasa untuk mencapai kehidupan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Namun persoalannya pada hari ini terdapat segelintir umat Islam yang lemah iman, goyah pegangan akidah dan akhlaknya menjadi kaku bibir dan kelu lidahnya untuk menyebut ayat Allah SWT dan keras hati apabila terdengar ayat al-Quran.

Mereka lebih gemar mengalunkan dan mendengar nyanyian lagu melalaikan berbanding ayat al-Quran. Tidak kurang pula ada dalam kalangan kita yang hanya berbangga dengan menggantung ayat al-Quran sebagai hiasan di rumah.

Bahkan ada juga yang menjadikan al-Quran sekadar 'kitab berkat'. Mereka membaca al-Quran atau mengamalkan beberapa potong ayat al-Quran untuk tujuan tertentu seperti murah rezeki, cepat dapat jodoh dan lain-lain.

Berdasarkan kepada beberapa pandangan ulama, terdapat tiga golongan manusia yang mengabaikan al-Quran.

Pertama, mereka yang mengabaikan al-Quran dengan meninggalkan dari membacanya. Kedua, mereka yang mengabaikan dari sudut tadabbur maknanya serta memahami maksud al-Quran.

Yang ketiga, mereka yang mengabaikan al-Quran dengan mengabaikan hukum-hakam dan beramal dengannya.

Sebaik-baiknya, kita membaca al-Quran, menghafalnya, mengetahui tafsir dan makna ayat yang dibaca serta beramal dengan apa yang difahami.